

# PERANAN MURABBI DALAM TARBIYAH ISLAMIYAH

## THE ROLE OF THE MURABBI IN ISLAMIC EDUCATION

Nur Farah Alia Zahrullail<sup>1</sup>

Nur Najwa Hanani Abd Rahman<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM),  
(E-mail: nfazahrullail@graduate.utm.my)

<sup>2</sup>Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM),  
(E-mail: nurnajwahanani@utm.my)

### Article history

Received date : 23-5-2025

Revised date : 24-5-2025

Accepted date : 18-6-2025

Published date : 30-6-2025

### To cite this document:

Zahrullail, N. F. A., & Abd Rahman, N. J. H. (2025). Peranan Murabbi dalam Tarbiyah Islamiah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 507 - 519.

**Abstrak:** *Kajian ini akan mengupas rahsia kejayaan yang diketengahkan dalam buku 114 Tips Murabbi Sukses. Menjadi seorang murabbi adalah tugas yang sangat mulia dalam Islam. Seorang murabbi bukan sekadar berperanan dalam membimbing, namun berperanan dalam membentuk peribadi dan akhlak generasi akan datang. Tetapi, peranan ini penuh dengan cabaran dan memerlukan kesabaran, ilmu dan strategi yang tepat. Sebagai solusi buat para murabbi, buku 114 Tips Murabbi Sukses karya Ustaz Satria Hadi Lubis ini hadir sebagai panduan yang praktikal khusus bagi membantu mereka menjalankan tanggungjawab sebagai murabbi dengan lebih baik. Buku ini menawarkan pelbagai saranan yang relevan bagi sesiapa yang bergelar seorang murabbi dalam menjalankan sistem usrah.*

**Kata Kunci:** murabbi, sukses, usrah

**Abstract:** *This study will explore the secrets of success highlighted in the book 114 Tips for a Successful Murabbi. Being a murabbi (mentor) is a highly noble responsibility in Islam. A murabbi is not only tasked with guiding others but also plays a crucial role in shaping the character and morals of the next generation. However, this role comes with many challenges and demands patience, knowledge, and the right strategies. As a solution for murabbis, the book 114 Tips for a Successful Murabbi by Ustaz Satria Hadi Lubis serves as a practical guide specifically designed to support them in fulfilling their responsibilities more effectively. This book offers a variety of relevant suggestions for anyone who takes on the role of a murabbi in implementing the usrah system.*

**Keywords:** murabbi, success, usrah

## Pengenalan

Dalam kegiatan dakwah, secara umumnya terdapat dua tahapan dakwah iaitu secara umum dan secara khusus. Dakwah secara umum adalah dakwah yang ditujukan kepada masyarakat umum tanpa ada hubungan yang intensif antara daie dan *mad'unya* (Satria Hadi Lubis, 2010). Contohnya, tazkirah di masjid-masjid dan di media masa yang fokusnya adalah secara umum tanpa membatasi apa-apa golongan. Manakala, menurut Satria Hadi Lubis (2010) bagi dakwah khusus adalah dakwah yang berfokus dalam lingkungan kelompok yang kecil dengan isi yang tersusun. Antara contohnya adalah, *ta'lim, liqo'* ataupun usrah. Usrah yang efektif biasanya terdiri daripada 10 ahli maksimumnya (Alang Shukrimun, 2019).

Pelaksanaan usrah akan dibimbing atau dibentuk oleh seseorang yang digelar murabbi. Usrah yang dibimbing oleh seorang murabbi bertujuan mengajak ahlinya ke arah kebaikan, kemuliaan serta mempereratkan ukhuwah Islamiyah (Fakhru Adabi et al., 2011). Murabbi adalah seorang daie yang membina *mad'u* dalam usrah dan memainkan peranan penting menjadi seorang *qiyyadah* (pemimpin), ustaz (guru), walid (ayah) serta seorang sahabat (Satria Hadi Lubis, 2010). Murabbi juga seorang pendidik dalam hal agama yang bersifat *Rabbani*, bertanggungjawab mendidik, membimbing serta menjaga perkembangan *mad'unya* dari pelbagai aspek, sama ada rohani mahupun jasmani (Kholilur Rohman, 2022). Oleh itu, peranan yang pelbagai ini menjadikan seorang murabbi itu perlu memiliki kepelbagaian keterampilan.

Menjadi keperluan untuk mempersiapkan keperluan seorang murabbi agar dia mampu membina generasi yang akan datang dan memenuhi keperluan semasa *mad'unya*. Usrah yang berkesan dan tersusun mampu memberikan kesan positif yang signifikan kepada ahlinya (Yahya Osman, 2011). Buku karya Ustaz Satria Hadi Lubis yang berjudul 114 Tips Murobbi Sukses memberikan panduan bagi para pembina iaitu murabbi yang ingin bersungguh-sungguh memimpin kelompok usrah yang berjaya.

Hammam Said (1998), menyatakan kerisauan beliau dalam menghadapi masalah kekurangan murabbi yang berkemampuan dan berketerampilan dalam menyambut dakwah Islamiyah. Antara punca usrah tidak berkembang adalah kekurangan murabbi yang berwibawa dalam mengendalikan usrah tersebut (Alang Shukrimun, 2019). Ini merupakan fenomena yang membimbangkan. Hal ini kerana, menurut Norsaadah Din et al. (2019), kejayaan usrah bergantung kepada murabbi yang berkemampuan, ahli yang berdisiplin, persiapan yang rapi, suasana yang menarik serta keikhlasan dalam melaksanakan tanggungjawab memimpin (Norafidah Gordani, 2017).

Beberapa kajian telah menekankan keperluan kepada pembentukan karakter murabbi agar usrah yang dibimbing mencapai matlamat dalam membina peribadi muslim yang baik. Antaranya adalah kajian yang dilakukan oleh Fakhru Adabi et al. (2011) iaitu Usrah Teras Pembangunan Insan: Tinjauan Pelaksanaannya dalam kalangan para Pelajar Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS), mendapati punca kepada kegagalan usrah sering dikaitkan dengan sikap murabbi yang tidak bijak menghidupkan suasana usrah. Ini menyebabkan ahli usrah sering rasa bosan, mengantuk dan tidak tertarik kepada isi yang disampaikan.

Selain itu, Pelaksanaan Program Tarbiah dalam kalangan pelajar asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Pulau Pinang oleh Mohd Suhardi Mat Jusoh (2015), menyimpulkan keberkesanan usrah terjejas akibatkekangan masa, kemampuan murabbi serta bahan pengisian yang tidak selari dengan manhaj usrah yang sebenar. Akibatnya, objektif tarbiyah gagal dicapai. Permasalahan ini juga disokong oleh Mohd Ismail Mustari & Salini

Mohd Salleh (2010) yang menyatakan bahawa terdapat dikalangan pelajar yang tidak berminat dengan usrah dan kurang berminat atas beberapa faktor. Antara faktornya adalah, aktiviti usrah yang tidak menarik, murabbi tidak memberi respon apabila ahli usrah merujuk masalah peribadi, murabbi sibuk dengan kegiatan diri dan kurang berpengalaman menyebabkan pengabaian ahli usrahnya.

Menurut Ya'qub Muhammad Hussin (2008), pengabaian oleh sebahagian murabbi boleh menyebabkan ahli usrahnya gugur dari jemaah, renggang ikatan ukhuwah serta menimbulkan perasaan kecewa, kekeliruan dan hilang keyakinan terhadap harakah (Mohd Ismail Mustari & Salini Mohd Salleh, 2010). Dalam permasalahan ini, didapati keperluan murabbi dalam meningkatkan nilai-nilai kemurabbian agar dapat melaksanakan tugas membimbing ini dengan baik. Terdapat keperluan untuk mengenalpasti tanggungjawab sebagai seorang murabbi dalam memimpin usrah pada hari ini. Oleh itu, kajian ini mengulas sebuah buku hasil karya Satria Hadi Lubis mengenai tips dalam membina seorang murabbi yang berjaya.

### **Penyataan Masalah**

Pelaksanaan usrah pada hari ini menghadapi pelbagai cabaran yang menjaskannya keberkesanannya. Antara kekangan utama termasuklah kelemahan kepimpinan murabbi yang dilantik tanpa persediaan atau latihan khusus, menyebabkan pengendalian usrah menjadi kurang berkesan dan tidak menyentuh pembentukan peribadi muslim secara mendalam (Fadzlan Shahidi Ghazali, 2011).

Selain itu, pendekatan penyampaian yang terlalu bersifat teori dan tidak mesra generasi muda turut menjadi faktor yang menghalang penglibatan aktif mad'u dalam usrah. Kelesuan semangat juga sering berlaku dalam kalangan peserta usrah akibat pengisian yang tidak konsisten dan kurang relevan serta kekurangan pemantauan yang berterusan (Dewan Pemuda PAS Wilayah Persekutuan, t.t.). Tambahan pula, ramai murabbi baru yang menghadapi cabaran kerana tiada panduan praktikal dan tersusun untuk membimbing mereka dalam menyampaikan fikrah Islamiyah dengan berkesan (Mohd Nor, 2020).

Dalam konteks ini, buku 114 tips murabbi sukses oleh Satria Hadi Lubis (2015) dilihat mampu melengkapkan jurang kajian yang sedia ada melalui pendekatan yang bersifat praktikal, realistik dan kontemporari. Buku ini menyajikan panduan lengkap yang mudah difahami, termasuklah tip mengenai cara membina hubungan dengan mad'u, menghidupkan suasana usrah serta mengurus cabaran lapangan secara sistematik.

Selain itu, kandungan buku ini yang bersifat mesra generasi muda dan menyentuh isu-isu semasa seperti kepelbagaiannya latar belakang mad'u serta cabaran teknologi kini. Oleh itu, buku ini berperanan sebagai sumber rujukan yang bermanfaat kepada para murabbi dengan penyediaan panduan praktikal yang boleh diaplikasikan secara langsung. Ini sekaligus, melengkapi kekurangan dalam bahan-bahan rujukan sedia ada yang kebanyakannya lebih menekankan aspek teori dan konsep tarbiyah, tanpa memberikan penekanan yang mencukupi terhadap pelaksanaan secara amali.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti nilai-nilai kemurabbian yang perlu dimiliki oleh seorang murabbi.
2. Meneliti tanggungjawab murabbi dalam memimpin usrah masa kini.

## Metodologi Kajian

Bagi tujuan pengumpulan data dan maklumat berkaitan peranan murabbi dalam tarbiyah Islamiyah, pengkaji telah menggunakan analisis dokumen sebagai pendekatan utama. Analisis dokumen merupakan salah satu kaedah kualitatif yang melibatkan proses meneliti, menilai dan mentafsir maklumat yang terdapat dalam bahan bertulis yang relevan dengan topik kajian (Bowen, 2009).

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengumpulkan maklumat yang berkaitan secara langsung dengan konsep murabbi, pendekatan tarbiyah Islamiyah dan pelaksanaan usrah dalam pendidikan Islam. Maklumat itu kemudian dianalisis termasuklah buku ilmiah iaitu 114 Tips Murabbi Sukses karya Ustaz Satria Hadi Lubis, artikel jurnal, modal tarbiyah dan beberapa lama web yang berautoriti berkaitan dakwah dan tarbiyah.

Proses menganalisis maklumat dalam kajian ini melibatkan beberapa proses utama yang dijalankan secara sistematik. Pertama, pengkaji menjalankan pemilihan maklumat dengan menilai kesesuaian setiap bahan berdasarkan objektif kajian serta memastikan sumber yang digunakan adalah sumber yang benar dan berautoriti. Seterusnya, pengkaji melakukan bacaan dan pengekstrakan data secara teliti bagi mengenal pasti konsep, prinsip serta pendekatan yang berkaitan dengan peranan seorang murabbi dalam konteks tarbiyah.

Langkah seterusnya ialah pengekodan tema, di mana maklumat yang diperolehi diklasifikasikan kepada beberapa tema utama seperti konsep murabbi, kaedah tarbiyah, pendekatan usrah serta cabaran-cabaran semasa. Seterusnya, penafsiran kandungan dilakukan dengan menganalisis data secara tematik bagi mengenal pasti pola, persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam kandungan yang dikaji. Proses ini bertujuan untuk menghasilkan pemahaman yang mendalam dan bermakna terhadap isu yang dibincangkan.

Buku 114 tips murabbi sukses karya Ustaz Satria Hadi Lubis dipilih sebagai bahan utama dalam kajian ini kerana ia merupakan antara karya kontemporari yang khususnya membincangkan peranan murabbi dalam konteks tarbiyah secara praktikal dan berstruktur. Buku ini mengandungi pelbagai panduan yang menyentuh aspek-aspek penting dalam proses tarbiyah seperti kepimpinan, komunikasi, pembinaan ruhiyah, perancangan wasilah tarbiyah serta teknik membina hubungan yang berkesan dengan mad'u. Kandungan buku ini disusun dalam bentuk tip yang ringkas tetapi padat dengan nilai-nilai tarbawi dan pengalaman lapangan. Hal ini menjadikannya sebagai sumber yang relevan dan mudah diaplikasikan oleh para murabbi dalam pelbagai peringkat.

Selain itu, buku ini turut memberikan penekanan terhadap cabaran-cabaran semasa yang dihadapi oleh para murabbi dan memberi beberapa pendekatan yang bersifat kontemporer tetapi masih berteraskan nilai-nilai Islam. Pengkaji memilih buku ini kerana selari dengan objektif kajian yang ingin memahami peranan murabbi melalui pendekatan tarbiyah. Oleh itu, buku ini dipilih menjadi sumber utama untuk dianalisis kerana kandungannya yang mengandungi panduan yang praktikal dalam membina murabbi yang berkesan serta membentuk generasi muslim yang praktikal.

## Sorotan Literatur

Keberadaan murabbi sangat penting bagi kelangsungan perjuangan Islam. Dari tangan-tangan murabbilah akan lahirnya pejuang-pejuang dakwah yang kuat dan handal memperjuangkan Islam (Satria Hadi Lubis, 2010). Konsep murabbi ini sudah dimulai dari zaman Rasulullah saw, ketika Baginda saw menjadi murabbi kepada para sahabatnya. Kemudian, konsep ini diteruskan dengan usaha dari para ulama' *salaf* dan *khalaf* sehingga saat ini perjuangan Islam digerakkan oleh para murabbi yang sukses.

## Definisi Murabbi

Kata dasar murabbi berasal dari kalimah “*rabba*” yang bermakna Pendidikan (Umar Mukhtar Mohd Noor, 2016). Selain itu, perkataan “*tarbiyah*” juga berasal dari kalimah “*rabb*” yang merujuk kepada proses mendidik, memelihara dan mengajarkan. Seorang murabbi bertanggungjawab dalam memimpin usrah serta memastikan objektif yang ditetapkan tercapai. Ustaz Satria Hadi Lubis (2010), menggambarkan keterampilan seorang murabbi itu akan berkembang selari dengan bertambahnya pengetahuan dan pengalaman seseorang itu sebagai murabbi.

## Syarat menjadi Murabbi

Setiap individu Muslim layak dan berhak untuk menjadi seorang murabbi. Tiada yang menghalang seseorang itu untuk menjadi seorang murabbi kerana tugas ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab dakwah (Satria Hadi Lubis, 2010). Namun, seorang murabbi itu perlu memenuhi beberapa syarat, antaranya:

1. Memiliki pengetahuan tentang Islam sebagai *manhaj* hidup, khususnya menguasai sistem pelaksanaan usrah.
2. Mempunyai kemampuan untuk membaca dan menulis huruf Arab.
3. Lancar dalam membaca Al-Quran.
4. Mempunyai kemampuan dalam kepimpinan dan mengetuai organisasi.
5. Mempunyai kemampuan merespon dan menyelesaikan masalah.
6. Mempunyai kemampuan menyampaikan pengetahuan kepada *mad'u*.
7. Berusaha menghiasi diri dengan akhlak Islami terutama akhlak sebagai seorang murabbi.

Ini adalah antara syarat bagi seseorang itu bergelar murabbi. Namun, tidak semestinya seseorang itu perlu memenuhi kesemua syarat ini terlebih dahulu sebelum menjalankan peranan sebagai seorang murabbi. Sebaliknya, tanggungjawab sebagai murabbi boleh dilaksanakan sambil terus berusaha meningkatkan kualiti keterampilan dalam menjadi murabbi yang lebih berjaya.

## Tugas dan Hak Murabbi

Sebagai seorang pemimpin, murabbi haruslah memahami tugas-tugas yang perlu dilaksanakan. Ustaz Satria Hadi Lubis (2010), menyatakan beberapa tugas dan hak sebagai seorang murabbi. Antara tugas murabbi adalah:

1. Memimpin pertemuan usrah.
2. Mengambil keputusan dalam setiap *syuro* usrah.
3. Menasihati dan mengendalikan permasalahan *mad'u*.
4. Mengambil kira pelbagai pandangan dan kritikan daripada *mad'u*.
5. Mengawasi dan menyelaraskan pengumpulan serta penyaluran infaq.
6. Menghidupkan suasana *ruhiyah*, *fikriyah* dan *dakwiyah* dalam usrah.

7. Membangunkan usrah yang kukuh, sihat, dinamik, produktif dan dipenuhi dengan semangat ukhuwah.
8. Memahami dan menguasai keadaan *mad'u* serta berusaha meningkatkan potensi diri mereka.
9. Meneruskan dan mensosialisasikan maklumat serta kebijaksanaan jemaah.
10. Mewujudkan pelbagai program usrah dan jemaah dalam lingkungan tersebut.

Bagi melaksanakan tugas tersebut, seorang murabbi mempunyai hak untuk:

1. Didengari dan ditaati.
2. Diminta pendapat darinya.
3. Dihargai dan dihormati.
4. Mengajukan pertolongan untuk melaksanakan tanggungjawab.
5. Memutuskan apa-apa keputusan.
6. Menubuhkan pengurusan usrah.

Murabbi ialah pembimbing yang berperanan untuk mendidik individu untuk menjadi seorang daie dan pemimpin yang dapat menyebarkan agama Islam di muka bumi ini. Tugas ini menuntut keikhlasan, kesungguhan dan akhlak yang baik supaya *mad'u* dapat dibina dan berubah menjadi muslim yang lebih baik.

### Rahsia Sukses Murabbi

Murabbi yang berjaya adalah murabbi yang mampu membentuk *mad'u* menjadi seorang daie dan murabbi (Satria Hadi Lubis, 2010). Menjadi daie bermakna sentiasa melaksanakan *amar makruf nahi mungkar* di mana sahaja dia berada, manakala menjadi seorang murabbi merupakan pekerjaan yang mulia dengan melahirkan pejuang-pejuang dakwah melalui medium usrah (Satria Hadi Lubis, 2010). Bagi mencapai usaha ini, pembinaan seorang murabbi itu perlu diusahakan dan disusun dengan persiapan yang rapi. Oleh itu, Ustaz Satria telah berjaya mengenal pasti beberapa tips untuk murabbi.

### Tips persiapan sebelum berjumpa dengan *mad'u*

Dalam buku ini, ustaz Satria menekankan beberapa persiapan penting dalam melaksanakan tugas pengurusan sebelum usrah. Sebagai seorang murabbi, terdapat beberapa persiapan yang perlu dilakukan oleh seorang murabbi. Murabbi tidak boleh memimpin usrah tanpa persiapan yang sebaiknya. Antara persiapan pertama sebelum memimpin usrah adalah meluruskan niat semata-mata kerana perintah Allah swt. Kerana, Allah swt yang telah memerintahkan untuk menjadi daie dan murabbi.

وَمَنْ أَحْسَنُ قُوَّلًا مَمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّمَاٰ مِنَ الْمُسْلِمِينَ

*"Dan siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mentaati) Allah, mengerjakan kebajikan, dan berkata, 'Sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang berserah diri (kepada Allah)'?"*

(surah Fusilat, 41:33)

Membina *mad'u* dengan niat mengharapkan redho dari Allah swt. Niat selain ikhlas, perlu ditepis jauh-jauh seperti ingin menjadi murabbi paling terkenal, ingin mendapatkan pengikut, hanya ingin mengisi masa lapang, ingin dipuji orang dan ingin mendapat bayaran. Oleh itu, dengan niat yang baik kerana Allah swt akan melahirkan seorang murabbi yang sanggup berkorban apa sahaja di jalan Allah swt tanpa mengeluh dan meminta-minta.

Seterusnya, menjadi tanggungjawab seorang murabbi untuk mempersiapkan dirinya dengan bahan usrah sebelum memasuki usrah. Menjadi satu kesalahan bagi seorang murabbi apabila memberi secara spontan, kerana ini boleh memberi kesan *thiqoh* (percaya) *mad'u* kepada bahan yang diberikan (Satria Hadi Lubis, 2010). Akhirnya, *mad'u* akan berasa bosan dengan bahan yang diberikan dalam usrah.

*“Seorang daie perlu memiliki hujah yang kukuh bagi menyokong maksud yang disampaikan dan memastikan kesesuaian hujah dengan makna yang disampaikan. Daie perlu bijak memilih hujah kerana ayat Al-Quran, hadis Rasulullah saw, sirah Nabawiyah dan Sejarah Islam merupakan sumber hujah yang boleh digunakan untuk mengukuhkan penyampaian”*

(Musthafa Masyhur)

Oleh itu, seorang murabbi perlu menyiapkan dirinya 10-15 minit dengan mengulangkaji bahan-bahan yang ingin disampaikan. Idealnya, persiapan dilakukan sekurang-kurangnya 60 minit agar kandungannya lebih komprehensif (Satria Hadi Lubis, 2010). Siapkan dalil *naqli* serta dalil *aqli*, data dan isu-isu semasa terkini, contoh-contoh yang menarik, *game taaruf* dan apa-apa bahan yang mampu menarik *mad'u* untuk mendengar. Begitu juga dengan persiapan menyampaikan bahan, nada suara yang perlu digunakan serta segala maklumat disusun dengan baik. Dengan persiapan yang baik, murabbi pasti dapat tampil di usrah seperti seorang penceramah yang profesional dan berjaya menarik perhatian *mad'u*.

Selain itu, antara perkara yang murabbi perlu lakukan sebelum mengisi usrah ialah mencatat apa yang perlu dibincangkan dengan *mad'u*. Contohnya, mencatat maklumat dan arahan yang ingin disampaikan atau agenda usrah yang ingin dibincangkan. Dengan catatan tersebut, murabbi tahu apa yang penting untuk disampaikan dalam usrah terutama apa yang hendak dibincangkan adalah perkata yang penting dan mendesak (Satria Hadi Lubis, 2010).

*“Dan hendaklah ia rapi dalam segala urusannya”*

(Musthafa Masyhur).

Sebagai seorang murabbi, perlulah sentiasa bersiap sedia seperti seorang tentera. Oleh itu, murabbi perlu menyediakan bahan tambahan jika menghadapi situasi yang tidak dijangka dalam usrah. Seperti, kehadiran *mad'u* yang sedikit, terdapat masalah *mad'u* yang memerlukan *taujihat* (penghalaan) yang berbeza dari bahan yang telah disediakan atau terdapat perubahan masa yang menyebabkan murabbi tidak sempat untuk mengulangkaji bahan. Jadi, menjadi keperluan untuk murabbi sentiasa menyediakan bahan tambahan agar usrah tetap dijalankan dan efektif walaupun terdapat perubahan-perubahan kecil.

Seterusnya, seorang murabbi yang cekap sentiasa bersedia setiap masa. Dengan simpanan bahan usrah yang banyak, murabbi dapat mengelakkan tanggapan kehabisan bahan dalam membimbing *mad'u*. Sepatutnya, semakin lama membina *mad'u*, semakin banyak kefahaman yang diperolehi. Oleh itu, setiap murabbi perlu membuat penyimpanan bahan dengan rapi dan teratur. Kemudian, penyimpanan bahan ini boleh dijadikan sebagai rujukan bagi menyediakan bahan baru yang lebih sesuai mengikut kepeluan *mad'u*. Bahan-bahan ini boleh disimpan di dalam fail, ditulis di dalam buku atau dimuat naik dalam *gsheet* dan *gdrive*.

Antara masalah murabbi ketika hadir ke usrah adalah kepenatan, lesu dan membosankan (Fakhrul Adabi et al., 2011). Keletihan boleh menyebabkan seorang murabbi merasa malas dan

penat. Jika terlalu penat sebelum menghadiri usrah, murabbi mungkin mencari alasan untuk tidak hadir memberi bahan (Satria Hadi Lubis, 2010). Oleh itu, murabbi perlulah membuat persiapan pada fizikal dengan mengelakkan diri dari keletihan dengan rehat yang mencukupi, mengurangkan aktiviti berat sebelum usrah serta selalu bersenam, memakan makanan yang sihat dan mempunyai tidur yang mencukupi.

لَا تَهُنُوا وَلَا تَحْزِنُوا وَأَنْتُمُ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ

*"Janganlah kamu bersikap lemah, dan janganlah (pula) kamu bersedih hati, padahal kamu lah orang-orang yang paling tinggi (derajatnya), jika kamu orang-orang yang beriman."*

(surah al-Imran, 3:139)

Tidak cukup dengan persiapan ilmu dan fizikal, murabbi perlu mempunyai keyakinan diri di saat mengisi usrah. Kepercayaan diri akan membantu dalam mengatasi kelemahan dan memastikan penyampaian bahan lancar. Murabbi perlu tingkatkan keyakinan dengan membayangi kejayaan Islam dan yakin akan pertolongan Allah swt (Satria Hadi Lubis, 2010). Sebagai seorang murabbi juga, haruslah mempunyai kesabaran yang tinggi dalam membina. Tidak semua *mad'u* berubah dengan cepat. Ada yang perlahan tetapi tetap istiqamah dalam usrah dan dakwah. Jangan mudah kecewa atau memutuskan potensi *mad'u* hanya kerana perubahan mereka perlahan. Murabbi sepatutnya memberikan sokongan dan melihat potensi yang besar dalam diri mereka (Satria Hadi Lubis, 2010).

Keyakinan yang tinggi bahawa *mad'u* memiliki banyak kelebihan dan bakal memimpin umat. Jika murabbi optimis dalam membina mereka untuk berubah, mereka juga akan termotivasi untuk dibina dengan baik. Oleh itu, tanamkan keyakinan dalam hati bahawa persiapan yang baik oleh seorang murabbi pasti akan memberikan kesan kepada pembinaan *mad'u*.

### **Tips persiapan semasa berjumpa dengan *mad'u***

Amatlah penting peranan murabbi di saat bertentang mata dengan *mad'unya*. Hal ini kerana, semestinya *mad'u* akan melihat setiap sisi akhlak dan peribadi murabbi. Terdapat pelbagai permasalahan yang muncul apabila *mad'u* melihat murabbinya yang tiada akhlak Islami. Oleh itu, menjadi keperluan untuk murabbi mempersiapkan dirinya semasa berjumpa dengan *mad'u*.

Sebagai seorang murabbi, jangan selalu mengeluh di hadapan *mad'u*. Murabbi seharusnya menunjukkan sikap optimis dan sentiasa memberi kata-kata motivasi. Jika terpaksa mengeluh, lakukan di belakang *mad'u* agar mereka tidak tersinggung dan merasa membebankan. Selain itu, akhlak mulia sebagai seorang murabbi adalah jangan menegur *mad'u* di hadapan umum termasuk di hadapan orang lain. Hal ini kerana, menegur secara terbuka boleh menyebabkan mereka merasa malu, tidak dihormati dan kurang menghargai usaha murabbinya (Satria Hadi Lubis, 2010). Sebaliknya, lebih baik menegur *mad'u* secara tertutup. Melalui cara ini lebih menjaga maruah, membuatnya rasa dihormati dan lebih mudah menerima teguran. Teguran yang disampaikan secara peribadi menunjukkan perhatian yang khusus dari murabbi kepada *mad'unya*.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخِرْ قَوْمٌ مِّنْ قَوْمٍ عَسَى أَنْ يَكُونُوا أَحْيَرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّنْ نِسَاءٍ عَسَى  
 أَنْ يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا تَلْمِزُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَتَابُرُوا بِالْأَقْبَلِ بِسِّ الْأَسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَنْ لَمْ يَتَبَّعْ  
 فَأُولَئِنَّكُمْ هُمُ الظَّالِمُونَ

*"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah suatu kaum mengolok-olok kaum yang lain, kerana boleh jadi mereka (yang diperolok-olokkan) lebih baik daripada mereka (yang mengolok-olok), dan janganlah pula para wanita (mengolok-olok) wanita lain, kerana boleh jadi wanita (yang diperolok-olokkan) lebih baik daripada wanita (yang mengolok-olok). Janganlah kamu mencela dirimu sendiri dan janganlah saling memanggil dengan gelaran-gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah (panggilan) yang buruk setelah iman. Dan barangsiapa tidak bertaubat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim."*

(surah Hujurat, 49:11)

Allah swt menegaskan agar tidak merendahkan orang lain. Pujian lebih baik daripada mencela kerana ia akan membuatkan *mad'u* rasa dihargai dan termotivasi dalam mentarbiyah diri. Sebaliknya, celaan boleh mematahkan semangat *mad'u*. Oleh itu, jika ingin *mad'u* sentiasa bersemangat, berilah pujian dengan ikhlas, spesifik dan tidak berlebihan (Satria Hadi Lubis, 2010). Namun, pastikan pujian yang diberikan bukan untuk mendapatkan balasan tetapi diberikan dengan niat yang ikhlas.

Apabila *mad'u* bertanya mengenai sesuatu yang murabbi tidak pasti apa jawapannya, maka akuilah dengan jujur bahawa tidak tahu. Jangan berpura-pura tahu kerana ditakuti maklumat tersebut salah dan kemudian akan menjelaskan kredibiliti serta kepercayaan *mad'u* terhadap murabbinya (Satria Hadi Lubis, 2010). Bahkan, kejujuran tidak akan menjatuhkan kedudukan murabbi, malah menyebabkan *mad'u* rasa menghormati dan simpati. Boleh diusahakan mencari jawapan yang tepat dan disampaikan di usrah kemudian.

Seterusnya, seorang daie perlu mendatangi umatnya dengan pemakaian yang bersih, sopan, menutup aurat dan wangi. Bau badan yang tidak menyenangkan boleh menganggu aktiviti usrah dan fokus *mad'u* (Satria Hadi Lubis, 2010). Menjaga kebersihan diri penting untuk menjaga imej positif di hadapan *mad'u*. Begitu juga dengan bau mulut yang berbau boleh menganggu keselesaan *mad'u*. Bersihkanlah gigi, gunakan pewangi mulut jika perlu dan elakkan dari makan makanan yang boleh mengeluarkan bau seperti bawang putih atau petai sebelum menghadiri usrah. Pastikan mulut bersih dan elakkan makanan berbau kuat untuk menjaga hubungan baik dengan *mad'u*.

*"Rasulullah saw adalah orang yang paling banyak senyum dan ketawa di hadapan para sahabatnya kerana mengagumi perbincangan mereka dan bersama menyertai mereka"*

(Imam Al-Ghazali).

Tiada cara yang lebih mudah dan menarik untuk mendekati *mad'u* selain dengan senyuman. Maka, senyumlah sepanjang bersama *mad'u*. Senyuman yang tulus dari hati, mampu mengesani hati *mad'u*. Jika, ketika itu murabbi berada dalam kesedihan, maka cuba lakukan sesuatu untuk menggembirakan hati sebelum bertemu dengan *mad'u* (Satria Hadi Lubis, 2010). Jangan hadir dengan muka yang sedih, stress atau marah.

Jika diantara *mad'u*, terdapat yang suka berdebat atau suka bertanya dengan niat untuk membantah pendapat murabbinya, maka cara yang terbaik menghadapi *mad'u* seperti ini adalah dengan tidak melayani debat tersebut (Satria Hadi Lubis, 2010). Hanya perlu jawab persoalan mereka dengan ringkas dan jika berlarutan, boleh cadangkan untuk mengkaji isu tersebut dengan nada yang mesra, kemudian cuba untuk mengubah topik yang lain (Satria Hadi Lubis,

2010). Perdebatan ini boleh menyebabkan kedua-dua pihak sukar mengakui kesalahan dan akhirnya akan menimbulkan sakit hati sahaja. Oleh itu, lebih baik dihindari.

Antara akhlak di hadapan *mad'u* juga adalah elakkan memotong percakapan mereka. Biarkan mereka menghabiskan kata-kata dan dengar sahaja pendapat mereka sehingga selesai. Hal ini kerana, mereka mungkin merasa tidak dihargai pendapatnya atau mereka akan melihat murabbinya sebagai orang yang sompong (Satria Hadi Lubis, 2010). Kadangkala, *mad'u* bukan ingin dinasihati tetapi mereka hanya ingin meluahkan isi hati. Jadi sebagai seorang murabbi, cuba dengar dengan sabar supaya mereka merasa difahami.

### Tips persiapan selepas berjumpa dengan *mad'u*

Tidak cukup dengan hanya menghadiri usrah dan menyampaikan bahan yang sepatutnya, proses membina *mad'u* adalah sepanjang masa sehingga mereka mampu berdikari. Tamat sahaja usrah, peranan murabbi sebagai seorang walid dan sahabat perlu dimainkan. Antaranya adalah, seorang murabbi selalu meluangkan masa untuk berbual sebelum atau selepas usrah. Tujuannya adalah untuk membina keakraban dengan *mad'u* (Satria Hadi Lubis, 2010). Perhubungan yang akrab biasanya terjalin dalam suasana yang tidak formal, seperti berborak-borak sambil makan selepas usrah. Dalam keadaan ini, murabbi boleh mengenali dan memahami karakter *mad'unya* (Satria Hadi Lubis, 2010). Dalam masa yang sama, *mad'u* akan merasa lebih selesa dan tidak malu untuk berkongsi cerita mengenai masalah peribadinya.

Jadi, penting sebagai seorang murabbi meluangkan masa dan selalu menyusun pertemuan-pertemuan santai selain dari masa usrah. Contohnya, di taman, di kafe-kafe atau kawasan umum yang disukai oleh *mad'unya*. Murabbi perlu menyediakan topik perbualan atau penghalaan pertemuan tersebut. Jika boleh diusahakan, murabbi boleh menyediakan jadual giliran untuk berjumpa dengan *mad'u* supaya masa untuk *muawasyah* tidak terganggu. Semasa pertemuan ini, berikan peluang untuk *mad'u* bercakap dan berkongsi segala perasaan atau masalahnya secara terbuka. Tugas murabbi adalah menjadi sahabat agar mereka lebih selesa berkongsi masalah dan perasaan.

Selain itu, menjadi kewajipan murabbi untuk menziarahi kesemua rumah *mad'unya*. Dengan menziarahi, murabbi dan ahli usrah dapat saling mengenali ahli keluarga serta keadaan rumahnya. Ini adalah proses yang penting supaya ahli usrah mampu membina sifat saling *tafahum* (memahami) dan saling *taawun* (membantu). Jika *mad'u* itu tinggal di rumah yang beransangan dengan keluarganya, maka murabbi boleh biasakan diri mengunjungi ke rumahnya. Sekali sekala, lakukan kunjungan yang mengejutkan ke rumahnya bagi melihat keadaan sebenar mereka tanpa sebarang persediaan (Satria Hadi Lubis, 2010). Cara ini membantu murabbi untuk mengenali sifat dan keperluan *mad'u* dengan lebih dekat dan jelas serta memberi panduan bagi menilai perkembangan tarbiyah mereka.

Seterusnya, jika *mad'u* atau keluarganya ditimpa musibah seperti kematian, sakit atau kemalangan, cuba untuk meluangkan masa pergi melawat mereka (Satria Hadi Lubis, 2010). Kehadiran murabbi ketika keadaan ini sangat bermakna buat mereka. *Mad'u* pasti akan merasa terharu dan mengingati pengorbanan murabbinya dalam jangka masa yang panjang. Hal ini boleh menanamkan kepercayaan dan rasa simpati *mad'u* terhadap sifat murabbinya yang selalu mengambil berat akan kehidupannya.

Hari ini, teknologi yang canggih telah membantu urusan murabbi untuk berhubung dengan *mad'unya*. Sebagai seorang murabbi, sila gunakan segala kecanggihan teknologi seperti telefon

bimbit, *whatsapp*, *instagram* atau apa-apa medium untuk menghubungi *mad'u*. Biasakan diri untuk tanya khabar dengan ringkas dan tidak perlu tunggu apa-apa keperluan baru ingin menghubungi mereka. Amalkan amalan bertanya khabar ini secara konsisten supaya mereka lebih rasa dihargai dan diambil berat. Jangan berasa malu untuk selalu menghubungi mereka (Satria Hadi Lubis, 2010). Sebagai seorang murabbi, penting untuk menunjukkan sikap mengambil berat terhadap kehidupan *mad'u* dengan meluangkan 1-2 minit sehari untuk mereka dan merancang jadual supaya tidak terasa terbeban menghubungi mereka secara bergilir-gilir (Satria Hadi Lubis, 2010). Jangan sia-siakan masa bersama *mad'u* untuk membina ikatan silaturahim.

### Aktiviti yang boleh dilakukan bersama *mad'u*

Selalu rasa bosan dengan usrah kerana, murabbi tidak kreatif melakukan aktiviti-aktiviti yang menarik. Aktiviti usrah selalu duduk dan dengar sahaja. Antara perkara yang Rasulullah saw buat untuk bermesra dengan sahabat adalah memanggil para sahabat dengan nama gelaran yang diberikan sebagai tanda menghormati mereka, menarik hati mereka dan menjadikan mereka rasa dihargai (Imam Al-Ghazali). Oleh itu, murabbi boleh menghiasi aktiviti usrah dengan pelbagai cara bagi menarik hati *mad'u* dan agar mereka merasa gembira berada dalam bulatan tersebut. Contohnya, memberi nama kepada usrah yang ditubuhkan, membuat baju usrah yang seragam dan comel atau mencipta gelaran yang khusus untuk setiap ahlinya. Hal ini, akan menyebabkan *mad'u* merasa lebih dekat dan rasa kebersamaan sesama mereka.

*“Hendaklah kalian saling memberi hadiah pasti kalian akan saling mencintai”*  
(HR. Al Baihaqi).

Memberikan hadiah kepada *mad'u* secara ikhlas sama ada sebagai penghargaan atau sebagai tanda terima kasih. Hadiah tersebut sebagai tanda penghargaan atas usaha mereka dalam mentarbiyah diri dan supaya mereka lebih bersemangat untuk mengislah diri (Satria Hadi Lubis, 2010). Hadiah yang terbaik adalah barang yang tahan lama supaya boleh disimpan dan diingati dan tidak perlu terlalu mahal. Aktiviti tukar-tukar hadiah atau pemberian hadiah ini tidak perlu tunggu apa-apa sambutan yang khusus. Ia boleh dilakukan di mana sahaja, sama ada dalam usrah atau di luar usrah. Namun, jika dilakukan dalam usrah, sebaiknya diberikan hadiah kepada semua *mad'u* bagi mengelakkan perasaan cemburu. Aktiviti ini sesuai dimainkan sebagai tanda ingatan sesama ahli usrah.

Biasakan buat aktiviti makan bersama *mad'u* sama ada sebelum atau selepas usrah bagi mempereratkan ukhuwah. Contohnya, makan dalam satu talam seperti sunnah Nabi saw atau boleh masak bersama-sama. Jika kos yang menjadi masalah, maka boleh praktikkan tabung *infaq* sesama ahli usrah atau bayar sendiri-sendiri (Satria Hadi Lubis, 2010).

Antara aktiviti yang paling penting adalah memastikan proses *taaruf* (perkenalan) ahli usrah bersama murabbi terus berjalan secara berkala. Aktiviti *taaruf* yang berterusan akan membantu ahlinya supaya lebih mengenali antara satu sama lain, mengetahui latar belakang peribadi serta mempereratkan ukhuwah sesama mereka (Satria Hadi Lubis, 2010). Murabbi harus memainkan peranan dalam mempelbagaikan aktiviti *taaruf* supaya tidak membosankan suasana usrah tersebut (Satria Hadi Lubis, 2010). Selain itu, aktiviti *taaruf* ini memberi peluang kepada murabbi untuk mendalam kehidupan *mad'u* dengan lebih mendalam dalam suasana yang santai dan terbuka.

## Rumusan

Disiplin seorang murabbi adalah kunci kejayaan sesebuah usrah atau *halaqah* (Satria Hadi Lubis, 2010). Tanpa disiplin, usrah tersebut tidak akan mencapai matlamatnya. Murabbi yang berjaya adalah murabbi yang kreatif dan sentiasa berfikir. Kekurangan ilmu, pengalaman dan keberanian untuk mencuba perkara baru adalah antara punca kegagalan sesuatu pembinaan. Oleh itu, tingkatkan kualiti dan kreativiti dengan menambah pengetahuan, menghadiri wasilah-wasilah yang membantu melatih diri atau mencuba pelbagai idea baru tanpa rasa takut untuk gagal (Satria Hadi Lubis, 2010). Murabbi yang kreatif lebih berkesan dalam membina *mad'u* berbanding murabbi yang penakut untuk mencuba.

Melalui pendekatan yang praktikal ini menjadi sumber inspirasi untuk para murabbi dalam melaksanakan amanah mendidik dengan penuh dedikasi, kesabaran dan keikhlasan. Buku ini bukan sekadar teori tetapi turut menawarkan panduan langkah demi langkah yang dapat membantu murabbi menghadapi pelbagai cabaran dalam proses tarbiyah dan dakwah.

## Rujukan

- Alang Ibn Shukrimun. (2019). Betulkah cara usrah kita jalankan selama ini? <https://harakahdaily.net/index.php/2019/03/10/betulkah-cara-usrah-kita-jalankan-selama-ini/>
- Al-Quran dan terjemahan.
- Bowen, G. A. (2009). *Document analysis as a qualitative research method. Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>
- Dewan Pemuda PAS Wilayah Persekutuan. (t.t.). Usrah dan Kepentingannya dalam Jamaah. Diakses dari <https://dppwp.wordpress.com/usrah/minggu-2-tajuk-ii-usrah-dan-kepentingannya-dalam-jamaah/>
- Fadzlan Shahidi Ghazali. (2011). Pelaksanaan Program Usrah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sultan Azlan Shah, Bota, Perak (Tesis Sarjana Muda). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fakhru Adabi Abdul Kadir, Kamarul Hazani Yusof dan Ummu Hani Abu Hassan. (2011). Usrah Teras Pembangunan Insan: Tinjauan Pelaksanaannya dalam kalangan para Pelajar Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS).
- Hamman Said. (1998). *Qawaaid Dakwah*. Diterjemah oleh Dr Kamarulsalam Yusof.
- Satria Hadi Lubis. (2010). 114 Tips Murobbi Sukses. Jakarta: *Syigma Creative Media Crop*.
- Kholilur Rohman. (2022). Peran Murobbi dalam Pembentukan Karakter (Perilaku Religius) sebagai Upaya mencegah Perilaku menyimpang Santri di Pondok Pesantren Duta Aswaja Desa Purworejo Bae Kudus Tahun 2022.
- Masyhur, Musthafa. (2000). *Fiqh Dakwah, Al I'tishom Cahaya Umat*.
- Mohd Ismail Mustari dan Salini Binti Mohd Salleh. (2010). Persepsi Pelajar terhadap Program Usrah di SMKA (P) Al-Mashoor.
- Mohd Nor, N. (2020). Cabaran Pelaksanaan Usrah Dalam Kalangan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Dakwah dan Kepimpinan*, 12(1), 45–60.
- Mohd Suhardi Mat Jusoh. (2015). Pelaksanaan Program Tarbiah dalam kalangan pelajar asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Pulau Pinang.
- Norafidah Gordani dan Abdul Ghafar Don (2017). Sukatan Usrah dalam Membentuk Akhlak Mulia: Kajian di Maahad Tahfiz Wal Tarbiyah Darul Iman (Satu Dapatkan Awal). *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4(1), 104-114.
- Norsaadah binti Din @ Mohamad Nasirudin dan Yusni bin Mohamad Yusak. (2019). Usrah Peneraju Dasar Tarbiyah KUIS: satu tinjaun. 71(5), 978-967.

Umar Mukhtar Mohd Noor. (2016). Al\_Kafi # 252: Gelaran Murabbi.  
<https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1374-al-kafi-252-gelaran-murabbi>  
Yahya Osman. (2011). Usrah sebagai Tunjang kepada Tarbiyah Gerakan Islam.